



25 Februari 2019
25 February 2019
P.U. (A) 53

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) 2019

INCOME TAX (EXEMPTION) ORDER 2019

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGEQUALIAN) 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) 2019**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2019.

Pemakaian

2. Perintah ini hendaklah terpakai bagi Bon Yen Jepun Malaysia – Siri A (2019) yang Dijamin oleh Bank Jepun untuk Kerjasama Antarabangsa (Untuk Pelabur Institusi Sahaja) (*Tekikaku Kikan Toshika Gentei*) dengan nilai nominal sehingga Yen dua ratus bilion (¥200,000,000,000.00), selain stok pinjaman boleh ubah, yang diterbitkan oleh Kerajaan Malaysia.

Pengecualian

3. (1) Menteri mengecualikan mana-mana orang yang tidak bermastautin di Malaysia daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan pendapatan yang diperoleh dari Malaysia bagi—

(a) faedah yang disebut dalam perenggan 4(c) Akta; atau

(b) perkhidmatan teknikal yang disebut dalam subperenggan 4A(ii) Akta,

berhubung dengan terbitan bon yang disebut dalam perenggan 2.

(2) Pengecualian yang disebut dalam subperenggan (1) adalah bagi tempoh sepuluh tahun bermula dari tahun taksiran 2019.

(3) Tiada apa-apa dalam subperenggan (1) boleh melepaskan atau disifatkan telah melepaskan orang itu daripada mematuhi apa-apa kehendak bagi mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau untuk memberikan apa-apa maklumat lain, di bawah Akta.

Ketidakpakaian

4. Seksyen 109 dan 109B Akta tidak terpakai bagi pendapatan yang disebut dalam perenggan 3.

Dibuat 25 Februari 2019

[Perb. CR(8.09)681/2-61(S).18]JLD.14(SK.9);LHDN.01; PN(PU2)80/XCIV]

LIM GUAN ENG
Menteri Kewangan

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 127(4) Akta Cukai Pendapatan 1967]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (EXEMPTION) ORDER 2019

IN exercise of the powers conferred by paragraph 127(3)(b) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Income Tax (Exemption) Order 2019**.

(2) This Order has effect from the year of assessment 2019.

Application

2. This Order shall apply to Malaysia Japanese Yen Bonds - Series A (2019) Guaranteed by Japan Bank for International Cooperation (For Qualified Institutional Investors Only) (*Tekikaku Kikan Toshika Gentei*) with the nominal value up to two hundred billion Yen (¥200,000,000,000.00), other than convertible loan stock, issued by the Government of Malaysia.

Exemption

3. (1) The Minister exempts any person not resident in Malaysia from the payment of income tax in respect of income derived from Malaysia for—

(a) interest referred to in paragraph 4(c) of the Act; or

(b) technical services referred to in subparagraph 4A(ii) of the Act,

in relation to the issuance of the bonds referred to in paragraph 2.

(2) The exemption referred to in subparagraph (1) shall be for a period of ten years commencing from the year of assessment 2019.

(3) Nothing in subparagraph (1) shall absolve or be deemed to have absolved the person from complying with any requirement to submit any return or statement of accounts or to furnish any other information, under the Act.

Non-application

4. Sections 109 and 109B of the Act shall not apply to the income referred to in paragraph 3.

Made 25 February 2019

[Perb. CR(8.09)681/2-61(SJ.18)JLD.14(SK.9);LHDN.01; PN(PU2)80/XCIV]

LIM GUAN ENG
Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 127(4) of the Income Tax Act 1967]